

02/12/1997

MJU sedia ruang untuk belajar tanpa syarat

Hadi Karim

SELARAS usaha menjadikan negara ini pusat kecemerlangan ilmu serantau, banyak institusi pendidikan swasta ditubuhkan sebagai tambahan kepada institusi pendidikan awam yang disediakan kerajaan.

Ini dilakukan sebagai menyahut saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadikan Malaysia pangkalan kecemerlangan ilmu serantau. Ini penting kerana pendidikan menjadi asas utama menjayakan matlamat Wawasan 2020 membawa Malaysia mencapai status negara perindustrian.

Sokongan sektor swasta dalam menjayakan matlamat itu sangat getir dan penting. Tanpa pengemblengan usaha bersepadu sektor awam dan swasta, apapun yang direncanakan kerajaan tidak mungkin dapat dijayakan dengan berkesan.

Matlamat pendidikan negara amat jelas - mengangkat martabat ke tahap maksimum supaya ia disegani dan dihormati masyarakat antarabangsa.

Di Sabah, usaha ke arah itu turut dilaksanakan dengan pembabitan sektor swasta. Walaupun sudah ada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Institut Teknologi Mara (ITM), banyak lagi kolej diwujudkan oleh sektor swasta untuk menampung keperluan yang semakin meningkat.

Kewujudan kolej swasta itu membolehkan lebih ramai rakyat tempatan, terutama kalangan Bumiputera mendapatkan pendidikan tinggi.

Di Tawau umpamanya, Maktab Jaya Utama (MJU) adalah sebuah sekolah swasta yang memberi ruang kepada pelajar Bumiputera meneruskan pelajaran tanpa sebarang syarat setelah gagal mendapatkan tempat di sekolah kerajaan.

Menurut pengetuanya, Amir Bek Amir Hussin, penubuhan MJU pada Julai 1987 mendapat restu bekas Pengarah Pendidikan Sabah, Datuk Dr Isa Ramli setelah menyedari kepentingan mewujudkan sekolah swasta di Tawau bagi mengelakkan pelajar di pantai timur Sabah berhijrah ke tempat lain.

Katanya, MJU yang dikenali sebagai Yayasan Utama pada awal penubuhannya bukanlah institusi sepenuh masa, tetapi lebih cenderung sebagai pusat tuisyen.

"Disebabkan komitmen dan pencapaian yang cemerlang kakitangan dan pelajarnya dalam pembelajaran dan pengajaran, maka pusat tuisyen itu diiktiraf sebagai maktab oleh Jabatan Pendidikan dengan pengambilan pelajar sepenuh masa dari tingkatan satu hingga enam atas," katanya.

Beliau berkata pengambilan awal pelajar pada masa itu hanya 70 orang dengan hanya empat guru. Kemudian jumlah pelajar yang memasukinya semakin bertambah. Pada tahun ini saja, MJU menerima seramai 316 pelajar dengan tenaga pengajar bertambah kepada 20 orang.

Amir Bek berkata tenaga pengajar MJU adalah terdiri daripada mereka yang berijazah dan benar-benar layak dengan syarat minimum sekurang-kurangnya memperolehi lima prinsipal di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Oleh itu, tidak diragukan dari segi kualiti pendidikannya.

Mengenai syarat kelayakan pelajar memasuki MJU, beliau berkata tiada syarat dikenakan kepada pelajar kerana MJU sebagai wadah untuk melanjutkan pelajaran setelah gagal mendapat tempat di sekolah kerajaan.

"Dengan wujudnya institusi ini, pelajar yang tidak dapat meneruskan pelajaran di sekolah kerajaan berkesempatan buat kali kedua memperbaiki kelemahan mereka.

"Ini terbukti apabila ramai pelajar diterima semula ke sekolah kerajaan dan menjejakkan kaki ke universiti tempatan," katanya.

Menurutnya, yuran yang dikenakan di MJU adalah paling rendah berbanding institusi swasta lain dengan kadar RM30 bagi tingkatan satu dan RM55 bagi tingkatan enam atas dengan kadar pertambahan sebanyak RM5 bagi setiap kenaikan tingkatan. Ini satu kadar yang dianggap tidak membebankan.

Beliau berkata setiap pelajar yang menimba ilmu pengetahuan di institusi itu dikecualikan daripada wang pendahuluan sebagaimana yang diwajibkan di institusi-institusi swasta lain.

"Ini bukan saja memberi sekali lagi peluang kepada pelajar yang kecundang memperbaiki kelemahan dalam pelajaran mereka tetapi lebih cenderung menolong mereka yang kurang berkemampuan dan masih mempunyai minat meneruskan pelajaran," katanya.

Beliau berkata pihak pengurusan MJU juga turut memberi bantuan buku rujukan kepada pelajar yang memerlukan.

Apa yang lebih menarik, MJU bukan saja menerima kemasukan pelajar dari daerah ini dan kawasan sekitarnya, malah turut mendapat tempat di kalangan ibu bapa yang berasal dari Semenanjung dan Sarawak dan daerah lain di seluruh Sabah yang bekerja di pantai timur.

"Saya menjangkakan maktab ini suatu masa nanti akan menjadi tumpuan pelajar dari Indonesia, khususnya di sebelah Sulawesi memandangkan kedudukan Tawau yang berdekatan dengannya.

"Kita amat menghargai kepercayaan ibu bapa kepada institusi ini dan sebagai satu perangsang kepada pihak pengurusan merangka strategi dalam sistem pembelajaran ke arah meningkatkan peratus kelulusan daripada 70 peratus ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Komitmen ini, katanya, sejajar dengan matlamat awal penubuhan MJU yang berlogokan "Bintang, Bulan, Gunung dan lakaran MJU" yang menitikberatkan amalan berdaya saing menerusi mottonya "Berilmu, beramal dan berakhlak mulia."

Hakikat jelas bahawa MJU akan menjadi pemangkin kepada proses pembangunan pendidikan di Sabah yang kini turut bergiat mempromosikan bidang pendidikan di Kawasan Pertumbuhan Asean Timur-Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA). Kedudukan Tawau yang berdekatan dengan beberapa wilayah sekitar lingkungan BIMP-EAGA membolehkannya bersaing di pasaran global, terutama dalam bidang pendidikan.

Dengan adanya sokongan dan komitmen semua pihak, maka matlamat MJU untuk sama-sama membangun dalam bidang pendidikan akan tercapai. Malah kini kerajaan negeri turut memberi penekanan kepada aspek pendidikan, maka sewajarnya ia akan membantu mencapai matlamat itu.

Seperti ditegaskan oleh Amir Bek, MJU bukan saja memberi peluang kepada pelajar yang tidak ada tempat di sekolah kerajaan, tetapi lebih penting mengurangkan beban mereka dengan menyediakan pakej bayaran yang tidak memerlukan sebarang wang pendahuluan.

(END)